

Headline	Keakraban Obama, Najib terserlah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	27	ArticleSize	670 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 22,683	PR Value	RM 68,050



# Keakraban Obama, Najib terserlah



Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama yang melakukan kunjungan ke Malaysia dalam rangka lawatan rasmi ke empat negara Asia menunjukkan keakrabbannya dengan negara ini, khususnya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Berdasarkan reaksi bahasa badan dalam sidang media bersama, ia dirancang untuk memberikan nilai kegaguan kepada pemerhati dengan pentas yang dihias seperti yang biasa dilihat pada sidang media di Washington.

Kelihatan bahasa badan yang bersejarah Obama dan Najib menyebabkan terserlah ketokohan kedua-dua pemimpin, kata pemerhati.

## Kesepakatan Malaysia-Amerika

"Mereka menunjukkan keadaan tenang dan yakin ketika menjawab soalan yang mencakupi hubungan dua hala seperti isu rundingan Perjanjian

Perkongsian Trans Pasifik (TPPA), keselamatan, kebebasan sivil, misi mencari pesawat MH370, krisis Laut China Selatan, Ukraine, nuklear, hal ehwal perdagangan dan integrasi serantau.

"Sidang media ini melihat kesepakatan Malaysia-Amerika dalam semua bidang yang dibincangkan," kata Profesor Madya di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani.

Beliau menjangka Malaysia akan mempunyai hubungan yang akrab dengan Amerika pada masa kini dan masa hadapan. Beliau yakin, sebarang permasalahan cuba diselesaikan secara rasional dan sikap positif.

Ini adalah lawatan kelima Obama ke Asia sejak mengambil alih pentadbiran pada tahun 2009. Beliau berjanji menjadikan rantau Pasifik menjadi lebih membangun dengan penyertaan lebih aktif dari segi ekonomi, diplomatik dan ketenteraan.

Sebelum berlepas ke Kuala Lumpur dari Seoul, Obama menemui anggota tentera Amerika di ibu negara Korea Selatan itu dan memberitahu mereka:

"Amerika tidak akan teragak-agak menggunakan kekuatan tentera untuk mempertahankan sekutu dan cara kehidupan kita." Ia berikutan ancaman Korea Utara untuk melancarkan ujian keempat nuklearnya.

Jumaat lalu, ketika sidang akhbar bersama Presiden Korea Selatan, Park Geun-hye, Obama berkata, Pyongyang tidak akan dapat apa-apa faedah daripada tindakan itu kecuali penga-

singan lebih meluas.

Ketika di Jepun, Obama memberi jaminan bahawa Washington akan mempertahankan sekutunya daripada sebarang ancaman China meskipun gagal mencapai persetujuan dalam isu perdagangan.

## Perjanjian kerjasama

Kunjungan Obama ke Jepun dianggap hanya berjaya sebahagiannya disebabkan kegagalan itu meskipun kerjasama lain terus kukuh. Jepun dan China terbabit dalam pertelingkahan mengenai Pulau Senkaku (disebut Diaoyu oleh China).

Selepas Malaysia, Obama akan ke Filipina yang turut menghadapi China dalam tuntutan ke atas kepulauan Spratly di Laut China Selatan.

Obama dijangka menandatangani perjanjian kerjasama tentera laut pertama dengan Filipina dalam tempoh 22 tahun apabila tiba di Manila hari ini. Ia dianggap satu amaran kepada China supaya tidak menggunakan kekerasan dalam isu serantau.

Mengambil kira kunjungan Obama ke Jepun, Korea Selatan, Malaysia dan Filipina sejajar dengan keseriusan Washington menjadi pengimbang kuasa di Pasifik.

Pada masa sama, ia juga menunjukkan sejauh mana Washington mengiktiraf kepentingan semua negara itu dari segi ekonomi dan kestabilan serantau.



**E-mel ke**  
[rencanabh@bharian.com.my](mailto:rencanabh@bharian.com.my)  
untuk berkongsi pendapat

Headline	Keakraban Obama, Najib terserlah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	27	ArticleSize	670 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 22,683	PR Value	RM 68,050

“  
**Mereka menunjukkan keadaan tenang dan yakin ketika menjawab soalan yang mencakupi hubungan dua hala seperti isu rundingan Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA), keselamatan, kebebasan sivil, misi mencari pesawat MH370, krisis Laut China Selatan, Ukraine, nuklear, hal ehwal perdagangan dan integrasi serantau”**

**Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani,**  
Profesor Madya di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Headline	Keakraban Obama, Najib terserlah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	27	ArticleSize	670 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 22,683	PR Value	RM 68,050



**Najib dan Obama** pada sidang media bersama di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

[FOTO BERNAMA]